

Aladdin Medic SPA Dapat Sambutan Baik

Disertakan oleh Miey Ahmad
Ahad, 20 April 2008
Terakhir dikemaskini Ahad, 20 April 2008

Assalamualaikum wr wbt, dan
Salam ceria buat semua rakan-rakan Mengandung.com.

Alhamdulillah pada sesi pertama Taklimat Aladdin Medic SPA yang lalu kami telah menerima sambutan yang baik. Malah ada antara rakan Mengandung.com yang datang dari jauh untuk mencubanya.

Kami anggota keluarga Mengandung.com amat mengalu-alukan rakan-rakan yang tidak berkesempatan dan berada di sekitar Kuala Lumpur untuk datang ke SPA kami jika ada masa yang terluang. Datang ya!

Perlu diingatkan pada rakan semua, sebelum datang ke SPA ini, rakan-rakan perlulah memaklumkan lebih awal agar tidak berlaku Q yang panjang.

Berikut adalah antara rakan-rakan yang sempat bergambar dengan saya pada hari Sabtu lalu:

Saya bersama Pn Razihan Saya bersama Pn Azah dan Nadhrah, 3 thn

Ramai rakan yang kini berada di perantauan mengirim email kepada saya tentang kekecewaan mereka kerana tidak dapat hadir. Tidak mengapa! Saya akan cuba sediakan pelbagai maklumat khusus buat semua agar kita dapat berkongsi segala pengalaman dan ilmu bersama. Harapan saya moga suatu hari kita dapat berjumpa.

Jutaan terima kasih kami yang tidak terhingga buat semua rakan-rakan yang datang dari jauh mahupun dekat. Moga ikatan silaturahim sesama kita makin erat. Jangan lupa datang lagi ya!

Untuk itu, bagi rakan-rakan yang berminat dengan SPA ini, hubungi : 03 4024 4859 (Pn Seri @ Fatimah) untuk buat tempahan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh email kepada saya at mieyahmad@gmail.com

Terima kasih.